



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 14 SEPTEMBER 2023

- 1. MANFAAT PPK PECAH MONOPOLI KARTEL TINDAS PESAWAH – UTUSAN MALAYSIA**
- 2. PPK GERAI KELUAR 45 TAN METRIK BERAS SEBULAN – UTUSAN MALAYSIA**
- 3. KEBERGANTUNGAN MAKANAN IMPORT TERUS JADI TUMPUAN – BERITA HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

PPK Gerai keluar 45 tan metrik beras sebulan

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Satu lagi beras jenama tempatan keluaran Terengganu iaitu Beras Gerai kini semakin mendapat tempat di pasaran negeri ini dan menjadi pilihan pengguna berikutan harganya yang murah dan berkualiti tinggi.

Beras tersebut adalah keluaran Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gerai yang beroperasi di Besut.

Pengurus Besar PPK Gerai, Amrul Azri Shamsuddin berkata, ketika ini pihaknya mengeluarkan Beras Gerai sebanyak 45 tan metrik setiap bulan untuk dipasarkan di seluruh Terengganu dan beberapa kawasan di Selangor.

Menurutnya, kesemua 15 PPK di seluruh Terengganu dijadikan pusat pengedaran beras tersebut seterusnya dijual kepada orang ramai di lebih 30 pasar raya dan kedai runcit sekitar negeri itu.

"PPK Gerai juga bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor untuk mengedarkan Beras Gerai bagi menampung permintaan di negeri itu.

"PPK Gerai akan meningkatkan pengeluaran beras ini dua kali ganda kepada 90 metrik tan menjelang Disember tahun ini untuk terus memenuhi permintaan di pasaran Terengganu dan Selangor.



SEBAHAGIAN dari Beras Gerai yang akan diedarkan kepada PPK di seluruh Terengganu untuk memenuhi permintaan di pasaran negeri itu.

"Dalam tempoh 10 tahun lagi, PPK Gerai komited dapat memasarkan Beras Gerai untuk pasaran seluruh negara pula," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ketika ini, rakyat Malaysia dilanda kebimbangan berikutan bekalan beras tempatan semakin meruncing manakala harga

beras import pula lebih mahal di pasaran.

Di Terengganu, satu lagi beras keluaran tempatan adalah Beras Ganu yang dikeluarkan Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC) untuk memenuhi permintaan di negeri ini.

Amrul Azri berkata, ketika ini,

Beras Gerai dijual dengan harga RM13 bagi sekampit lima kilogram (kg) dan RM26 sekampit 10 kg iaitu mengikut harga kawalan beras yang ditetapkan kerajaan.

"Permintaan Beras Gerai dijangka meningkat di pasaran selepas kenaikan harga beras import sejak 1 September lalu," ujarnya.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Sidang Dewan Rakyat

Kebergantungan makanan import terus jadi tumpuan

YB beri cadangan untuk tangani kekurangan bekalan, kenaikan harga beras

Kuala Lumpur: Isu kebergantungan makanan import terus jadi tumpuan sesi perbincangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat, semalam.

Cha Kee Chin (PH-Rasah) menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merangka pelan jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras dan bawang import.

Wakil rakyat PKR itu turut menggesa KPKM mula menumpukan usaha menghasilkan barangan makanan secara domestik, selain usaha itu perlu digemblengkan bersama agensi dan jabatan berkaitan dalam memastikan bekalan sentiasa terjamin.

Selain itu, katanya, KPKM menerusi agensi berkaitan perlu memastikan bekalan barangan berkenaan sentiasa terjamin, terutama ketika negara berdepan isu keterjaminan makanan sejak

pandemik COVID-19 melanda dunia, empat tahun lalu.

"Kita tahu nasi adalah makanan ruji negara ini dan sebab itu beras sangat mustahak. Suatu ketika dahulu, kita menghasilkan 70 peratus beras diperlukan, tetapi kini hanya 65 peratus dan bakinya adalah beras diimport.

"Kenapa jadi macam ini? Sepatutnya trendnya ialah kita mengurangkan kebergantungan (import). Kerajaan perlu meletakkan sasaran jelas supaya suatu hari nanti, mungkin lima atau 10 tahun lagi 100 peratus beras yang diperlukan, dihasilkan secara tempatan," katanya.

Beberapa ahli Parlimen turut berpendapat isu kekurangan bekalan beras negara dan kenaikan harga beras import perlu ditangani dengan segera bagi meredakan keresahan dalam kalangan rakyat.

Segera ambil tindakan

Datuk Seri Dr Wee Jock Seng (BN-Tanjung Piai) menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan segera bagi menampung kekurangan 38 peratus bekalan beras untuk kegunaan tempatan.

Beliau berkata, negara berdepan saingan sengit dari Indonesia yang ketika ini mempunyai 42 peratus kekurangan bekalan be-

ras tempatan dan Filipina adalah negara pengimport beras terbesar di Asia Tenggara dengan nilai import mencecah kira-kira AS\$1.3 bilion pada 2021.

"Tambah pula, Kerajaan India sudah menyekat eksport beras dari negara berkenaan yang melonjakkan harga jualan beras putih import di seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa 1 September 2023, iaitu kenaikan sebanyak 36 peratus.

"Kenaikan menda-dak ini akan menyebabkan golongan B40 dan M40 semakin sukar untuk mendapatkan keperluan asasi seterusnya meningkatkan keresahan rakyat Malaysia pada masa yang mencabar ini," katanya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan supaya mengimport bekalan beras dari negara pengekspor beras, selain India seperti Vietnam, Thailand dan Pakistan dengan segera sebelum isu kekurangan bekalan itu menjadi lebih parah.

Cari jalan kawal harga

Selain itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh) berkata, beras ialah barangan terkawal dan kerajaan seharusnya mencari jalan bagi mengawal harga agar ia ti-

dak menjadi terlalu mahal sehinggalah tidak mampu dibeli oleh rakyat.

"Jangan lupa bahawa selepas pandemik, ramai rakyat jatuh miskin. Adakah garis kemiskinan yang diguna pakai untuk menentukan status kemiskinan isi rumah masih realistik dengan mengambil kira kenaikan harga barang dan kadar inflasi semasa," katanya.

Lim Guan Eng (PH-Bagan) pula meminta kerajaan menambah stok bekalan beras yang didakwa sukar diperoleh ketika ini bagi menampung keperluan rakyat.

Beliau turut meminta kerajaan mengkaji harga beras import bagi memastikan ia tidak terlalu tinggi sehingga menyukarkan rakyat untuk mendapatkan bekalan itu.

Isu sekuriti makanan membatikan kebergantungan terhadap hasil import beras juga dibangkitkan Datuk Seri Doris Sophia Brodi (GPS-Sri Aman) yang mencadangkan kerajaan untuk menumpukan kepada peningkatan penanaman padi di dalam negara.

"Mengapa negara kita Malaysia yang mempunyai tanah subur, hutan luas dan iklim bersesuaian tidak maju dalam sektor penanaman, termasuk ternakan? Kita masih bergantung pada negara lain untuk mendapatkan bekalan makanan seperti beras. Apa jadi dengan projek jela pang padi negara?" katanya.



Cha Kee Chin

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Manfaat PPK pecah monopoli kartel tindas pesawah

Pesawah dihipit kesengsaraan apabila terpaksa menanggung kenaikan harga input pertanian antara 10 hingga 60 peratus tahun ini.

Mengikut pengiraan Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai), antara input pertanian yang dikenal pasti mengalami peningkatan harga adalah baja, racun, harga mesin, benih padi dan minyak enjin jentera.

Selain itu, beliau berkata, kadar upah seperti membajak, menuai, meracun dan menabur baja juga mengalami kenaikan.

"Upah bajak dahulu RM80 sekarang, sekarang RM90 sekarang. Kenaikan 12.5 peratus. Harga mesin seperti pam racun, dulu

RM1,700 dan sekarang RM2,300 seunit, iaitu kenaikan sebanyak 35 peratus.

"Minyak enjin jentera sebelum ini RM190 untuk 18 liter, sekarang RM220. Kenaikan 15.7 peratus. Benih padi dahulu RM35 bagi 20 kilogram (kg), sekarang sudah naik sebanyak RM56. Ertinya kenaikan 60 peratus.

"Upah jentera dahulu RM70 sekarang, kini RM90. Naik 28.5 peratus. Upah meracun RM27 naik kepada RM30 sekarang. Kenaikan 11.1 peratus. Harga racun rumpai dan serangga pula, dahulu RM270 untuk 20 liter, sekarang naik RM300, iaitu kenaikan 10 peratus.

"Upah buruh tabur baja dahulu dibayar RM8 sekampit, sekarang naik RM10. Bagi upah tuai, dulu RM105 per tan, sekarang sudah naik RM125 per tan. Ertinya kenaikan 19 peratus," katanya ketika membahaskan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat semalam.

Campur tangan kerajaan

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan campur tangan untuk memastikan keterjaminan makanan negara pada masa akan datang.

Katanya apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) adalah memecahkan monopoli kartel yang didakwa menindas pesawah dalam segenap rantaian sektor padi negara.

Beliau mendakwa ada kartel yang bertindak memonopoli bekalan benih, racun, baja, dron, mesin ambil padi, lori, kilang termasuk rantaian pemasaran.

"Ertinya rantaian ini mesti dipegang PPK untuk memecahkan kartel ini, yang sedang dibuat Pejabat Zakat Kedah hari ini. Alhamdulillah, pejabat zakat Kedah sudah buat dari benih sampai rangkaian kilang," katanya. Idris turut mencadangkan

pembaharuan dapat dilakukan dalam persatuan peladang supaya tidak melantik orang politik yang beliau gelarkan kosong pengetahuan atau tiada merit mengenai selok-belok pertanian khasnya sektor padi.

"Persatuan peladang biar dipegang oleh mereka yang mengetahui selok-belok pertanian, bukan hanya untuk 'parking' orang yang tidak ada merit mengenai pertanian dan (terpaksa) letak orang politik yang tak reti apa. Pokok padi pun dia tak tahu. Jadi otak dia memang (semata-mata) nak ambil elaun. Itu sahaja," katanya.

